

23 MAY 2003

SUNWAY-PELANCONG

SUNWAY LAGOON ADAKAN PROMOSI TARIK LEBIH RAMAI PELANCONG

KUALA LUMPUR, 23 Mei -- Sunway Lagoon Resort Hotel membelanjakan kira-kira RM6 juta bagi aktiviti promosi strategik tahun ini bagi menarik lebih ramai pelancong domestik dan serantau.

Perbelanjaan berkenaan telah menunjukkan hasil dengan perniagaan meningkat secara beransur-ansur, kata timbalan pengarah urusan bagi pelaburan hartanah Sunway City Bhd, Ngeow Voon Yean.

Kadar tempahan bagi bulan ini naik pada 16 peratus berbanding hampir tiada langsung bulan lepas, kata beliau.

Beliau berkata aktiviti promosi berkenaan bertujuan menarik pelancong dari negara rantau ini seperti India, Indonesia dan Singapura.

"Kami menawarkan resort betaraf dunia dalam bandar raya pada harga yang menarik. Kami rasa kami perlu memberi tumpuan kepada tarikan untuk pasaran serantau dahulu sebelum kami boleh meyakinkan pelancong di bahagian lain di dunia untuk datang," katanya kepada pemberita selepas memperkenalkan tiga pakej fleksi bagi pelancong harian dan mereka yang bercuti antara negeri di hotel itu hari ini.

Pada kadar RM380, Sunshine Pakej 1 menawarkan penginapan satu malam di hotel, RM80 bagi kredit makanan dan minuman, dua tiket untuk dewasa dan dua tiket kanak-kanak ke taman tema serta akses percuma kepada permainan interaktif, manakala pada RM134 bagi Sunshine Pakej 2 menawarkan dua sajian bufet, kemasukan taman tema dan bagi RM27 Sunshine Pakej 3 menawarkan satu tiket ke taman tema.

Pakej-pakej berkenaan akan ditawarkan antara Jun dan Ogos, boleh diperolehi di lobi utama hotel dan pejabat tiket taman tema.

Ngeow berkata bagi memberi rangsangan kepada industri pelancongan tempatan, rakyat Malaysia sewajarnya mengambil peluang berkenaan untuk berbelanja semasa cuti persekolahan akan datang di resort dalam negara.

Sementara itu, pengurus besar hotel, Peter D. Gibbons, yang turut hadir pada sidang media berkenaan berkata 60 peratus daripada perolehan hotel dijana oleh rakyat tempatan.

Dengan penangguhan banyak majlis korporat di hotel itu ke Julai dan Ogos, beliau menjangkakan perniagaan akan kembali pulih dan hasilnya akan dapat dilihat dalam suku ketiga tahun kewnagan.

Semasa ditanya mengenai pakej strategik baru ekonomi yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Rabu lepas, beliau berkata sebagai langkah jangka pendek, ia akan membantu aliran tunai syarikat.

"Bagaimanapun jumlahnya mungkin tidak begitu banyak kerana sebagaimana yang anda ketahui kadar penginapan masih agak rendah. Bagi langkah pengurangan kos, kami juga melakukannya dari semasa ke semasa tanpa menjejaskan kualiti perkhidmatan yang disediakan," kata beliau.

Gibbons berkata tahun lepas, hotel itu mencatatkan perolehan sebanyak RM77 juta, manakala suku pertama tahun ini menyaksikan beberapa pertumbuhan.

Bagaimanapun, beliau berkata suku kedua tidak begitu baik berikutan kesan wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) dan peperangan terhadap Iraq.

Beliau berkata memandangkan industri pelancongan seluruh dunia kembali bingkas, beliau yakin industri itu menunggu masa sahaja untuk pulih.

"Itulah sebabnya kami tidak memberhentikan sebarang projek pengembangan kami atau aktiviti promosi. Kami juga amat yakin dengan komitmen kerajaan serta usaha bagi membantu merangsang industri," katanya. -- BERNAMA

AZH KTC NHD